

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(II)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN JAWI
YB. H'NG MOOI LYE**

18. Minta Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) huraikan semua pintu air dan rumah pam JPS di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) sama ada ia beroperasi dan tiada operasi diikuti seperti berikut:
- (a) Lokasi
 - (b) Jenis operasi pam atau pintu air sama ada bekalan elektrik, manual, solar panel atau lain lain.

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

18. Secara keseluruhannya, terdapat lapan (8) Pintu Air Pasang Surut dan Rumah Pam di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) dan kesemuanya masih beroperasi.
- (a) Dua (2) daripada jumlah tersebut adalah Pintu Air Pasang Surut, iaitu Pintu Air Pasang Surut Kebun Baru dan Pulau Burung. Manakala enam (6) lagi adalah Rumah Pam, iaitu Rumah Pam Nibong Tebal, Rumah Pam Sanglang A, Rumah Pam Sanglang B, Rumah Pam Che Aminah, Rumah Pam Bagan Buaya dan Rumah Pam Victoria yang terletak di DUN Jawi.
 - (b) Perincian jenis operasi Pintu Air Pasang Surut dan Rumah Pam di SPS adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Operasi	Pintu Air Pasang Surut / Rumah Pam
1.	Menggunakan kuasa elektrik	i.Rumah Pam Nibong Tebal; ii.Rumah Pam Sanglang A; iii.Rumah Pam Sanglang B; iv.Rumah Pam Che Aminah; dan v.Rumah Pam Victoria
2.	Menggunakan minyak diesel (manual)	Rumah Pam Bagan Buaya
3.	Menggunakan kuasa solar (solar panel)	i.Pintu Air Pasang Surut Kebun Baru; dan ii.Pintu Air Pasang Surut Pulau Burung